

SecurePro

Hayatilah.

Kehidupan anda, pilihan anda, pelan anda.

etiqa

Insurans Hayat



HAYATILAH
KEHIDUPAN
KANDA

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Life Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). | Ahli PIDM

Kami memahami liku-liku dalam menjalani kehidupan seharian yang sentiasa berubah dan penuh dengan cabaran dan dugaan. Memperkenalkan SecurePro, pelan berkaitan pelaburan dengan pilihan 15 rider tambahan yang memberikan fleksibiliti agar gaya hidup semasa anda dan masa depan anda kekal dilindungi pada setiap masa.

Anda layak mendapatkan pelan pilihan yang unik dan sesuai dengan matlamat dan gaya hidup anda.

Dapatkan sekarang dari serendah RM100 sebulan*.

**Tertakluk pada terma dan syarat.*



Manfaat Tambahan Rider Komprehensif

Terdapat 15 pilihan rider yang melindungi anda untuk kemasukan ke hospital, pembedahan, kemalangan, penyakit kritikal dan banyak lagi. Sesuaikan perlindungan anda dengan pilihan yang tersedia.



Manfaat Milestone Celebration

Nikmati fleksibiliti untuk meningkatkan jumlah yang diinsuranskan sebanyak 20% daripada jumlah asas yang diinsuranskan, atau maksimum RM100,000 tanpa pengunderaitan apabila anda melangkah ke fasa kehidupan, dan ianya bermula pada tahun polisi ke-3 seperti di bawah:

- Pengijazahan (pengajian tinggi dan ke atas atau yang setara);
- Perkahwinan;
- Pembelian rumah baru; atau
- Kelahiran anak

Nota: Untuk manfaat di atas, hanya terpakai maksimum dua peristiwa berbeza sebelum orang yang diinsuranskan mencapai hari jadi ke-60.



Pelbagai Pilihan Tempoh Perlindungan

Anda boleh memilih tempoh perlindungan yang sesuai iaitu 20 tahun atau sehingga umur 70, 80, 90 atau 100 tahun (Umur Hari Jadi Berikutnya).



Pilihan Pertukaran Dana

Tukar dana pelaburan anda pada bila-bila masa tanpa caj tambahan.



Tempoh Jaminan Tidak Luput

Polisi anda akan kekal berkuat kuasa dan tidak akan luput untuk tempoh 6 tahun pertama polisi dengan syarat bayaran premium tepat pada masanya tanpa cuti premium dan tiada pengeluaran separa.



Bonus Kesetiaan

Nikmati bonus kesetiaan yang dikreditkan terus ke akaun anda secara automatik setiap 3 tahun, bermula dari tahun polisi ke-7 dan seterusnya untuk memaksimumkan nilai pelaburan anda.



Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Pembayaran untuk manfaat kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK).

Nota: Manfaat utama di atas adalah tertakluk pada terma dan syarat.

Tingkatkan Perlindungan Anda

Hubungi Ejen Perunding kami untuk mendapatkan perlindungan yang sesuai.

Kelayakan


Pelan ini tersedia untuk anda atau pasangan anda yang berumur antara 17 hingga 70 tahun, dan kanak-kanak berumur antara 14 hari hingga 16 tahun.

15 Rider untuk dipilih bagi meningkatkan perlindungan anda:




IL Infinite Care

Perlindungan untuk penyakit kritikal pertama seumpamanya yang melindungi 10 sistem badan dan fungsi organ, bagi melindungi diri anda daripada penyakit yang diketahui dan tidak diketahui yang mungkin timbul pada bila-bila masa, dan memberikan anda perlindungan kewangan pada masa hadapan.



IL Infinite Care Plus

Dapatkan jaminan kewangan dengan bayaran berganda yang boleh mencapai sehingga 300% daripada jumlah yang diinsuranskan jika didiagnosis dengan mana-mana keadaan yang melibatkan Kecacatan/Pembedahan untuk 10 sistem badan dan fungsi organ yang dilindungi.



IL Cancer Care

Dapatkan perlindungan untuk kanser pada peringkat yang berbeza, termasuk Karsinoma-in-Situ. Selain itu, manfaat *bounce-back* untuk jumlah yang diinsuranskan akan dikembalikan dalam tempoh 12 bulan selepas tuntutan kanser peringkat awal.



IL CI Care

Dapatkan perlindungan sekiranya didiagnosis dengan salah satu daripada 68 jenis penyakit kritikal yang dilindungi, termasuk perlindungan untuk penyakit mental.



IL Accelerated CI

Manfaat tambahan yang membayar jumlah rider yang diinsuranskan sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu daripada 39 jenis penyakit kritikal yang dilindungi semasa tempoh rider.




IL Junior CI

Dapatkan perlindungan untuk anak anda sekiranya anak anda didiagnosis dengan salah satu daripada 15 jenis penyakit kritikal juvenil yang dilindungi.



IL Ultimate Health

Rider perubatan yang menawarkan manfaat kemasukan ke hospital dan pembedahan dengan had perlindungan yang tinggi sehingga RM10 juta termasuk rawatan perubatan teknologi maju dan menawarkan 3 pilihan deduktibel, untuk menjimatkan premium anda hari ini bagi persediaan pelan perubatan yang komprehensif apabila anda bersara.



IL Lady Care

Direka khas untuk wanita seiring dengan keperluannya yang sentiasa berubah mengikut langkah perjalanan hidupnya. Daripada perancangan keluarga, alam kehamilan dan penjagaan bayi, sehingga alam menopause, IL Lady Care direka khas untuk melindungi penyakit berkaitan wanita, termasuk Karsinoma-in-Situ dan penyakit lain seperti kanser payudara, serviks, rahim, tiub fallopio, ovari, faraj dan vulva. Dapatkan manfaat tambahan untuk penjagaan kehamilan dan bayi bagi memastikan perlindungan berterusan di setiap fasa kehidupannya.



IL AcciGuard

Manfaat tambahan yang menyediakan perlindungan untuk kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal, indemniti berganda, tunai ihsan sehingga RM5,000 dan banyak lagi.



IL Accidental Indemnity

Dapatkan perlindungan kewangan untuk kemalangan dengan manfaat tunai harian untuk kemasukan ke hospital atau hilang upaya separa.



IL HospiCash

Dapatkan manfaat tunai hospital harian jika dimasukkan ke ICU, CCU dan NICU, serta kemasukan ke hospital dalam dan luar negara, termasuk kemasukan ke hospital akibat penyakit berkaitan kehamilan.



IL Waiver of Premium of Critical Illnesses

Pengecualian pembayaran premium bagi memastikan bahawa jika anda didiagnosis dengan salah satu daripada 38 jenis penyakit kritikal yang dilindungi, anda tidak perlu membayar premium pada masa hadapan (tidak termasuk enricher bertingkat dan premium tambah nilai berkala).



IL Waiver of Premium of Total and Permanent Disability (TPD)

Pengecualian pembayaran premium bagi memastikan bahawa jika anda mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK), anda tidak perlu membayar premium pada masa hadapan (tidak termasuk enricher bertingkat dan premium tambah nilai berkala).



IL Payor Waiver of Premium (Spouse)

Pengecualian pembayaran premium bagi memastikan bahawa jika sesuatu berlaku kepada anda, sama ada kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal, atau didiagnosis dengan salah satu daripada 38 jenis penyakit kritikal yang dilindungi, pasangan anda tidak perlu membayar premium pada masa hadapan (tidak termasuk enricher bertingkat dan premium tambah nilai berkala).



IL Payor Waiver of Premium (Juvenile)

Pengecualian pembayaran premium bagi memastikan bahawa jika sesuatu berlaku kepada anda, sama ada kematian, kehilangan upaya menyeluruh dan kekal, atau didiagnosis dengan salah satu daripada 38 jenis penyakit kritikal yang dilindungi, anak anda tidak perlu membayar premium pada masa hadapan sehingga tempoh rider luput.

Pilihan Dana yang Tersedia

Nama Dana	Fi Pengurusan Dana Tahunan (% daripada Nilai Aset Bersih)
Dana Seimbang	1.25
Dana Pertumbuhan	1.50
Dana Stabil	1.00
Dana Ekuiti Premier	1.50
Dana Pendapatan Premier	1.00
Dana Indeks Premier	1.25
Dana Ekuiti Prima	1.50
Dana Pendapatan Prima	1.00
Dana Global Ekuiti Premier	1.50
Dana Ekuiti Premier Asia Pasifik	1.50
Dana Ekuiti Premier Lestari Global	1.00

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat

Ini merupakan produk insurans yang berkait dengan prestasi aset-aset dasarnya dan bukanlah produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.

Etiqua Online 1300 13 8888
www.etiqua.com.my



Etiqua Life Insurance Berhad (201701025113)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888

F +603 2297 3800

E info@etiqua.com.my

Hubungi kami di

    Etiqua  myetiqua